



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



**BERITA**

24 JAM

**KPDN**

**KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 30 SEPTEMBER 2024**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

**KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Oleh Wartawan Harian Metro  
 email@metro.com.my

**Kuala Lumpur**

**M**argin keuntungan tinggi diperoleh penyalah-penyalah menjadi punca sindiket 'pengkhianat negara' apabila menjual paket minyak masak bersubsidi ke negara jiran.

Berdasarkan harga semasa barangan ini di Thailand, sindiket mampu memperoleh untung 'atas angin' antara RM1.50 hingga RM4.70 bagi setiap paket minyak masak bersubsidi yang diseludup ke Thailand.

Penganalisis ekonomi, Profeseor Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, berikutan sindiket penyeludup ini menyebabkan rakyat negara ini menghadapi kesukaran memperoleh paket minyak masak bersubsidi 1 kilogram (kg) selain pembelian dihadkan di pasaran.

"Penyeludupan masih berlaku susulan margin keuntungan tinggi diperolehi, lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan penjualan paket minyak masak ini dalam kuantiti yang banyak.

"Subsidi bagi minyak masak paket (1 kg) dibelanjakan kerajaan setiap tahun dianggarkan RM1.8 bilion dan ia bergantung ke-

# Margin tinggi **RM2.70** sepaket

**Untung besar seludup minyak masak paket punca 'pengkhianat negara', sindiket berleluasa**

pada harga minyak sawit semasa.

"Apabila berlaku penyeludupan, ini bermakna perbetan subsidi tidak dapat dimanfaatkan rakyat. Apa yang berlaku adalah minyak masak paket ini kerap ketibaan di pasaran," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Ahmed Razman yang juga tenaga pengajar dari Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, tidak dinafikan ada pegawai agensi penguat kuasa yang menjaga sempadan bersekongkol dengan aktiviti penyeludupan barangan subsidi ke negara jiran.

Katanya, hal itu disebabkan jumlah barangan atau produk diseludup bukan sedikit, malah melibatkan jutaan ringgit.

"Setiap kali rampasan dilakukan di sempadan, nilai barangan rampasan minyak masak paket berjumlah jutaan ringgit. Ketirisan berlaku berikutan sempadan negara kita de-



**"Anggota penguat kuasa seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan polis tidak cukup dan ini menyukarkan kawalan sempadan. Lebih parah apabila ada penguat kuasa bersekongkol dengan penyeludup"**

Penganalisis ekonomi, Ahmed Razman Abdul Latiff

ngan Thailand amat panjang dan dipenubi hutan.

"Anggota penguat kuasa seperti Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan polis tidak cukup dan ini menyukarkan kawalan sempadan. Lebih parah apabila ada anggota penguat kuasa bersekongkol dengan penyeludup," katanya.

Beliau memberi reaksi itu susulan pendedahan wartawan Metro Ahad yang mendapati paket minyak masak subsidi 1 kg Malaysia dijual berleluasa tanpa had di kedai runcit serta pasar basah di hampir 60 premis diunjur.

Ditanya berkenaan cadangan dan langkah membendung penyeludupan minyak masak paket, beliau yang juga pakar ekonomi berkata, pemantauan sempadan dan rondaan perlu dipertingkatkan.

Menurutnya, pada masa sama, penjualan borong atau pukal minyak masak paket dilakukan melalui MyKad atau e-Wallet supaya pihak berkaitan boleh mengesan siapa yang membeli daripada pengilang atau peruncit.

# Rampas minyak paket RM2.66 juta sejak Januari lalu

**Putrajaya** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) agresif membendung ketirisan minyak masak paket 1 kilogram (kg) bersubsidi apabila memperkasakan larangan kawalan itu bermula RM2.66 juta sejak Januari lalu.

Dihadkan 330 kes seruan dan rampasan membabitkan komoditi minyak masak bersubsidi dilakukan di seluruh negara dalam tempoh itu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPDN Darul Azman Adnan berkata, pendekatan dilakukan KPDN bagi menegakkan itu penyeludupan dan tindakan pihak tertentu yang mencuri hak rakyat.

Beliau berkata, bagi mengekang isu ketirisan minyak masak bersubsidi, KPDN melaksanakan operasi Op Tiris 1.0 dan 2.0 bermula 1 Mac 2023 hingga 31 Disember 2023 dengan tumpuan diberi ke atas tindakan penguatkuasaan menahan isu ketirisan minyak diesel yang mengakibatkan kerugian kepada rakyat dan negara.

"Berdasarkan tahap positif melalui pelaksanaan Op Tiris 1.0 dan 2.0, KPDN meneruskan objektif memerasi Op Tiris 3.0 bermula 1 Januari 2024 dengan membabitkan barangan kawalan lain lain

minyak masak paket 1 kg, tepung gandum, gula bertapis kasar dan halus, petrol RON95 dan gas petroleum cecair (LPG).

"Berikutan statistik penguatkuasaan, 30,111 pemeriksaan dilakukan di seluruh negara melalui penguatkuasaan Op Tiris 3.0 bermula 1 Januari 2024 hingga 3 September lalu.

"Daripada jumlah itu, 2,029 kes dihasilkan dengan nilai rampasan RM80.39 juta," katanya.

Memerintahi, di bawah pelaksanaan Op Tiris 3.0, KPDN melakukan penambahbaikan dan penguatkuasaan skop penguatkuasaan membabitkan enam inisiatif iaitu penguatkuasaan kepada barang kawalan lain selain diesel iaitu gas petroleum cecair (LPG), petrol RON95, gula, minyak masak dan tepung gandum.

"Penguatkuasaan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan di sempadan negara turut dilakukan selain penempatan berikutan pegawai penguat kuasa KPDN di lapan lokasi pintu masuk sempadan negara di negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan.

"Inisiatif ke empat adalah penambahbaikan Prosedur Operasi Standard (SOP) kes penyerasan agensi daripada agensi penguatkuasaan lain, pelaksanaan pemantauan terhadap pem-

borong dan peruncit di sempadan serta pelaksanaan pengujian terhadap pemborong diesel, pemegang permit barang kawalan, bankering dan syarikat pengeksport," katanya.



**"2,029 kes dihasilkan dengan nilai rampasan RM80.39 juta"**  
 Azman



Oleh Wartawan  
 Harian Metro  
 ang@metro.com.my

**Kajang**

**P**embodohan akhir Harian Metro berhubung kegiatan berturan penyelewengan paket minyak masak subsidi 5 kilogram (kg) terbukti apabila Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berjaya menubungkar dan merampas hampir 6 tan minyak bermasak.

Kegiatan rampas minyak masak bernisbah bernilai hampir RM15 juta itu hasil risikan terhadap kegiatan sindiket skala besar berpangkalan di Taman Reko di sini, kelmarin.

Sumber KPDN berkata, dalam operasi bersepadu bersama KPDN Selangor, pihaknya menyorka stor haram di sini, jam 4.58 petang.

Operasi menubuhkan anggota Sekoyan Perisikan KPDN Putrajaya dan KPDN Selangor terhadap stor yang diyakui tidak berlesen.

"Pihak KPDN berjaya memotong kuali stor selepas individu di dalamnya enggan memberi kerjasama."

"Hasilnya seorang lelaki tempatan di dalam stor ditahan. Dia mendakwa berpenanan sebagai pemantau lori yang memindahkan paket minyak masak subsidi," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut menemui 300 kotak berisi 5,100 paket minyak masak subsidi seberat 5.1 tan.

Selain itu ada tangki besar berisi 850 liter minyak masak di dalam stor sama.

Berdasarkan pemerhatian, pihak KPDN tidak me-



STOR haram yang diserbu KPDN Putrajaya dan KPDN Selangor dekat Taman Reko, Kajang.

# SOROK MINYAK RM15 JUTA!

*Sindiket skala besar di Kajang tumpas selepas stor haram diserbu dalam operasi bersepadu*



TANGKI berisi 850 liter minyak masak turut ditemui

tidak kemiripannya sama minyak masak bernisbah bernilai hampir RM15 juta mengikut harga pasaran," katanya.

Menurutnya, susatan akan dijalankan Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1976.

"Jika disabit kesalahan, mereka yang didapati boleh denda sehingga RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama."

"Manakala bagi kesalahan

kedua dan seterusnya denda hingga RM1 juta atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

"Bagi perubatan atau perbalanan pula, boleh denda tidak melebihi RM1 juta bagi kesalahan pertama dan RM5 juta bagi kesalahan



kedua dan seterusnya.

"Susatan lanjut juga akan dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1976 bagi mengenal pasti individu/syarikat terlibat dalam rangkaian atau rangkaian pengedaran minyak masak paket termasuk sumber minyak masak paket diproses danedaran mana-mana pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Pada 9 Ogos lalu, KPDN merampas 4 tan minyak masak subsidi hasil kejayaan membongkar sindiket penyeleweng di Jeram, Selangor.

Sindiket dikesan membungkus semula minyak masak untuk dijual sebagai minyak masak tidak bersubsidi.

Sindiket dikesan membeli minyak masak paket satu

kilogram. Gaji bernisbah dan diformul di stor haram yang beroperasi tanpa lesen sah untuk menyimpan barang kavalan.

Pada 28 Julai lalu, KPDN Johor merampas 1.6 tan minyak pelbagai jenis minyak masak di sebuah syarikat membungkus minyak masak di Kulai, Johor.

Isu masalah syarikat pembungkusan minyak masak itu diyakui penyeleweng serta memampudasi barang kavalan itu hasil penggodaman dokumen serta stok minyak masak di premis berkenaan.

Pemeriksaan mendapati kuantiti minyak masak di premis itu melebihi had kuantiti simpanan minyak masak dibenarkan di bawah Lesen Barangan Kawalan Berjangka (CSA) Borneo.



SEBANYAK 300 kotak berisi minyak masak paket bernisbah dimiliki anggota KPDN.

## Kumpul sebelum jual pada sindiket di Kelantan

**Kuala Lumpur:** Bell dan kumpul minyak masak paket subsidi dalam kuantiti besar sebelum dijual kepada sindiket tertentu di Kelantan.

Minyak masak paket 1 kilogram (kg) subsidi disalurkan melalui kedai runcit atau disalurkan pula ke Thailand untuk dijual di pasaran terbuka negara berkenaan.

Taktik ini dibongkar hasil risikan operasi Op Teris 3.0 (Minyak Masak) dilakukan Seksyen Perisikan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Luar Negara (KPDN) Putrajaya sebelum operasi bersepadu dilakukan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) jam 10 malam kebelakangan ini.

Sumber berkata, sebuah premis di Nilai, Negeri Sembilan yang disyaki melakukan kesalahan kerana menyimpan barang kavalan di premis tidak dibenarkan.

Tiga lelaki antaranya warga Bangladesh dan Indonesia ditahan ketika berada di dalam premis itu.

"Pemeriksaan lanjut menemui minyak masak paket 1kg subsidi pelbagai jenama di dalam 2,000 kotak. Semua minyak masak dianggarkan seberat 34 tan."

"Turut dirampas 330 kotak lagi minyak masak paket 1kg dianggarkan seberat lebih 5.5 tan," katanya.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut menemui tujuh jenama minyak masak berjenama dikumpul di luar haram berkenaan.

Menurutnya, uspek didapati melakukan kesalahan mengikut Seksyen 20 Akta Kawalan Bekalan 1966 kerana menyimpan barang kavalan, selain premis dibenarkan KPDN.

"Sejak litar stabilisasi kesalahan mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1966 juga menemui atau ada

### KAEDAH PENYELUDUPAN MINYAK MASAK SUBSIDI KE THAILAND

1 Syarikat pembungkusan mengagihkan minyak masak subsidi paket 1 kilogram kepada pemborong berlesen.

2 Ada seperti syarikat pemborong berlesen berurusan dan menyasarkan bekalan dipemfiki kepada sindiket penyeludupan.

3 Pemborong juga ahli sindiket yang membeli secara pukal minyak masak subsidi dari pemborong atau kedai kedai runcit dalam kuantiti besar.

4 Minyak masak subsidi ini kemudian dikumpulkan di dalam stor haram sebelum dipindahkan menggunakan lori atau treler ke lokasi tersorok / lajang getah di negeri bersempadan Thailand.

5 'Terasa samar' akan mengagih tugas memindahkan minyak masak subsidi ini menggunakan kereta ke sempadan.

6 Penyeludup menggunakan kenderaan penyeludupan memaki bot / sampari melalui laluan sungai ( Sungai Golok ) atau menggunakan kereta projek melalui 'lorong tikus' di sempadan negara.

7 Jaringan sindiket di negara jiran akan mengagihkan minyak masak subsidi Malaysia ini kepada permodal sebelum disalurkan kepada peniaga dan pakedai di setiap daerah.



Pemeriksaan KPDN menemui tujuh jenama minyak masak berjenama di dalam premis tersebut.



dalam milikan apa-apa barang kavalan dengan niat memusnahkan untuk melakukan kesalahan," katanya.

Sementara itu, satu lagi sebuah rumah didapati di sebuah premis di Nilai, Negeri Sembilan pada waktu dan hari sama.

"Hasil pemeriksaan mendapati premis menyimpan minyak masak paket 1kg seberat lebih 41 tan. Susulan itu semua minyak masak di-sita. Secara keseluruhan, sebarang membabitkan 2 stor haram dan 1 stor berlesen.

"Semua minyak masak berjenama yang dirampas dianggarkan bernilai lebih RM700,000," katanya.

Pegawai KPDN menyemak minyak masak paket subsidi yang dirampas hasil serbuan di Nilai, Negeri Sembilan.

"Pemeriksaan lanjut menemui minyak masak paket 1kg subsidi pelbagai jenama di dalam 2,000 kotak. Semua minyak masak dianggarkan seberat 34 tan"

sw/ter



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**

# Menu Rahmah diminati tetapi semakin dilupakan

Oleh **SABRINA ZULKIFLI**

utusannews@metropublish.com.my

**PETALING JAYA:** Menu Rahmah yang diperkenalkan kerajaan bagi membantu rakyat menikmati makanan pada harga murah semakin kehilangan popularitinya kerana banyak kedai yang telah berhenti menjual menu itu.

Sejak dilancarkan pada 31 Januari 2023, inisiatif itu mendapat sambutan hangat kerana menawarkan hidangan mampu milik pada harga RM5.

Namun, inisiatif diperkenalkan bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub itu dilihat semakin sepi.

Kebanyakan peniaga kecil menghentikan menu itu atas alasan kos bahan mentah tinggi dan mereka tidak mendapat Kad Diskaun Rahmah yang membolehkan peniaga membeli barang mentah dengan diskaun 40 peratus di pasar raya terpilih.

Restoran Mamak pula masih mengekalkan menu itu namun tidak begitu menonjol kecuali ditanya oleh pelanggannya.

Beberapa restoran makanan segera yang turut memperkenalkan menu itu sebelum ini juga telah menarik menu tersebut antaranya Domino's dan McDonald's.

Namun McDonald's menukarkannya dengan Mix & Match yang menawarkan beberapa pilihan makanan pada harga antara RM5 hingga RM7.



**MENU Rahmah** yang dilancarkan awal tahun lalu pernah mendapat sambutan daripada orang ramai namun semakin kurang kedai yang menawarkan menu tersebut.

Sementara itu pemilik Mira Cake House di Kuching, Sarawak, Datin Masnah Sahani, 66, berkata, kedainya masih meneruskan menu rahmah tersebut kerana mendapat sambutan yang baik daripada para pelanggan.

"Disebabkan ekonomi yang tidak menentu, ramai pelanggan memilih harga yang murah dan berpatutan.

"Pelbagai menu saya sediakan agar pelanggan boleh memilih mengikut selera mereka," katanya yang juga memiliki beberapa cawangan di Glenmarie, Shah Alam dan Nu Sentral, Brickfields.

Masnah berkata, kerajaan perlu membantu peniaga mengekalkan Menu Rahmah dengan memberi insentif dari segi bahan mentah ataupun diskaun yang berteru-

san.

Antara menu yang disediakan oleh Mira Cake House cawangan Metrocity adalah laksa Sarawak, mi kolok, linut, rojak, mi goreng apek, nasi ayam dan nasi lemak.

Sementara itu, seorang pelanggan di medan selera Seksyen 14 di sini, Ari Zulkifli, 33, berkata, Menu Rahmah sudah semakin dilupakan dan peniaga juga kurang memaparkan iklan mereka ada menu rahmah.

"Dulu banyak kedai memaparkan notis ada menjual Menu Rahmah tetapi sekarang sudah tiada lagi. Saya pun tidak bertanya kepada kedai kerana sepatutnya benda itu dipromosikan oleh para peniaga supaya pelanggan dapat membuat pilihan untuk makan di kedai mana," katanya.

## Ringgit naik, harga ayam patut lebih murah

**PENGUKUHAN** nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat memberi impak besar kepada pengusaha ladang ternakan ayam di negara ini kerana kos pengeluaran telah berkurang sehingga 70 peratus.

Perkara itu disahkan Presiden Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM), Dr Terry Tan, susulan harga import jagung dan kacang soya untuk makanan ternakan jatuh secara drastik iaitu sekitar 60 hingga 70 peratus ketika ini.

Meskipun begitu kata beliau, turun naik harga ayam di pasaran masih ditentukan oleh hukum ekonomi yang berkaitan penawaran dan permintaan. Ini bermakna jika bekalan kurang dan permintaan tinggi, harga akan kekal seperti sekarang.

Dengan kata lain, harga ayam tidak akan turun serta-merta meskipun pengeluar berpeluang untung besar disebabkan kos operasi makin rendah.

Secara umum, makanan ayam meliputi 70 peratus kos penternakan, kos anak ayam 20 peratus, selebihnya kos buruh, elektrik, pengangkutan dan lain-lain.

Memang benar harga ayam telah meningkat dengan ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Sebab paling utama ialah makanan ayam semakin mahal, dan inilah juga alasan yang digunakan penternak sebelum ini untuk menaikkan harga jualan.

Bagaimanapun, kos pengeluaran ayam di ladang telah turun kepada RM6.30 setiap kilogram pada suku kedua 2024 berbanding RM6.35 pada suku pertama.

Menurut DOSM, kos pengeluaran telur juga kekal 38 sen sebiji. Pada masa itu, nilai ringgit masih berlegar sekitar RM4.70 berbanding AS\$1.

Dengan ringgit berada pada paras RM4.12 sekarang, kos pengeluaran tentulah telah jatuh dengan ketara. Namun purata harga terkini ayam hidup di pasaran masih RM9 sekilogram sementara ayam proses standard RM10.

Di Asia Tenggara, rakyat Malaysia paling banyak makan ayam iaitu purata 50.2kg seorang dalam setahun, diikuti Singapura (36kg), Myanmar (29.9kg) dan Filipina (15.9kg), kata Pertubuhan Makanan dan PBB (FAO). Angka itu semakin meningkat setiap tahun.

Maka jika hukum ekonomi penawaran dan permintaan hendak dipakai, sampai bila-bila pun harga ayam tidak turun-turun.

Janganlah ketika hendak menaikkan harga begitu mudah dilakukan tetapi bermacam-macam alasan diberikan jika diminta turunkan harga.



# Beras import patut lebih murah sekarang

Susulan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar AS

Oleh SAIFULLAH AHMAD  
BUKIT GANTANG

**H**arga beras import seharusnya menurun susulan pengukuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

Ketua Kluster Makanan Majlis Tindakan Kos-Sara Hidup (NACCOL), Datuk Syed Abu Hussin Hafiz-Syed Abdul Fasal bagaimanapun berkata, keadaan tersebut tidak berlaku ketika ini.

Menurutnya, susulan itu kerajaan digesa membuat penetapan harga beras import yang dijual di negara ini bagi memastikan harga makanan tersebut lebih rendah dapat dinikmati oleh rakyat.

"Dari segi harga barang ini di-

sebabkan dolar AS sudah menurun, ringgit dah semakin kuat, maka barang-barang yang kita import masuk ke dalam negara adalah lebih murah. Cuma sekarang pemain-pemain industri masih lagi di takuk lama.

"Sepatutnya ketika harga ringgit semakin kuat inilah maka harga beras import semakin rendah. Di sinilah kaedah untuk menetapkan harga beras sepatutnya telah dibuat," katanya kepada pemberita.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Majlis Penutup Kejohanan Memancing Kelubong Challenge di Dewan Orang Ramai Kampung Kelubong di sini pada Sabtu.

Syed Abu Hussin berkata, jika penetapan harga beras import tidak dilakukan, dibimbangi akan menjejaskan harga pasaran beras tempatan yang meningkat ketika ini.

Menurutnya, harga padi kini mencecah hampir RM2,000 bagi satu metrik tan sekali gus harga beras tempatan yang dijual RM26 bagi pek 10 kilogram (kg) di kar-

nival jualan murah oleh agensi kerajaan, kemungkinan tidak dapat direalisasikan lagi pada masa akan datang.

Katanya, jika harga tersebut kekal dijual maka pesawah di negara ini akan menjadi mangsa.

"Harga beras tempatan seharusnya dijual antara RM35 hingga RM36 bagi pek 10kg. Sepatutnya harga itu telah ditetapkan sebab sekarang ini harga yang ditetapkan hanyalah beras tempatan iaitu RM26 tapi beras tidak ada. Sebab itu saya katakan beras tempatan itu dibungkus menjadi beras import.

"Jika sekarang ini harga beras import rendah mungkin satu masa nanti beras import akan dijual sebagai beras tempatan, jadi inilah yang perlu dipantau sebab pergerakan perniagaan pemain industri ini sangat licik," ujarnya.

Sebelum ini media melaporkan, ringgit dilaporkan melonjak ke paras 4.12 berbanding dolar AS dan muncul sebagai antara mata wang yang mencatatkan prestasi terbaik di dunia.



Syed Abu Hussin (tiga dari kiri) bersama pemenang Kejohanan Memancing Kelubong Challenge pada Sabtu.

## Police warn public about bogus lawyers following complaints

### Ahmad Apong

**HEALIFORT:** District Police Chief DSP Ismail Abdullah advises the public not to be easily deceived by scammers who claim to be lawyers on behalf of the Singer company by demanding payment they supposedly still owe.

He said the public should consult the police before making dubious payment transactions.

He explained that the scammer carries out the deception by demanding debts made by certain parties.

"And if not paid, then they will threaten to freeze the victim's savings account by stating Act 232 of the Hire Purchase Act 1967.

"We have received several complaints about debts that never existed and were threatened their saving accounts will be frozen," he said.

One of the complainants, Abd Sani Moqin, filed a complaint at 11.48am on Wednesday after received a call from the number 017-7337592, claiming to be "James" representing Singer.

The scammer stated the victim's name, MyKad number and a notice of claim for debt amounting to RM8,430.

Abd Sani settled his debt 15 years ago where one Tini @ Fatimah Ahmad used his name.

"They used the name of the Beaufort Dis-

trict Police Headquarters as an intermediary and one "Cpl Zara" with threatening elements on behalf of Singer.

"The complainant later came to the station and found that there was no Cpl Zara. After making sure, he lodged a police report for the attention of Singer and CelcomDigi," he said.

Prior to that, police also received a complaint from a woman, Norhayani Awang, last Thursday who received a call from 017-5534007 at 9.26am, claiming to be from the Singer legal team, stating a claim of RM960 for unpaid fees.

The scammer stated that the complainant must pay before the day ended to prevent her

savings account from being frozen. Like Abd Sani, Norhayani cleared her debt in 2019.

She lodged a report at the station and took the copy to the Ministry of Domestic Consumers (KPDN) for further investigation.

"According to a KPDN spokesperson, they conducted an investigation where two Kota Kinabalu Singer Officers came to the KPDN office denying making the claims.

"This was clearly the act of a scammer who deliberately demands payment and scares people by threatening them," she said.

The police advised the public to be wary as they are at risk of losing their entire life savings to scammers.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 30 SEPTEMBER 2024**

<b>TARIKH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PAUTAN</b>	<b>MEDIA</b>
30-Sep	Another 657 to be held till year-end: Madani Rahmah Sales well received in Sabah	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/242836/another-657-to-be-held-till-year-end-madani-rahmah-sales-well-received-in-sabah/">https://www.dailyexpress.com.my/news/242836/another-657-to-be-held-till-year-end-madani-rahmah-sales-well-received-in-sabah/</a>	DAILY EXPRESS
30-Sep	Sindiket minyak paket 'kenyang', marhaen merana	<a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1138851/sindiket-minyak-paket-kenyang-marhaen-merana">https://www.hmetro.com.my/utama/2024/09/1138851/sindiket-minyak-paket-kenyang-marhaen-merana</a>	HARIAN METRO
30-Sep	Waspada 'peguam' tuntutan hutang	<a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/242863/waspada-peguam-tuntut-hutang/">https://www.dailyexpress.com.my/news/242863/waspada-peguam-tuntut-hutang/</a>	DAILY EXPRESS